

Usaha sama dengan syarikat Malaysia wujudkan 2,000 peluang kerja

Qatar labur RM4b di Perlis

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Usaha sama Felcra dan FGV bersama sebuah syarikat Qatar, Baladna berhubung pembangunan ladang tenusu berskala besar di Chuping, Perlis yang melibatkan nilai pelaburan RM4 billion dijangka mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, menerusi perjanjian yang dijangka ditandatangani Jun ini, sejumlah 208.8 juta liter susu segar disasar dihasilkan setahun berasaskan lebih 14,000 ekor lembu tenusu.

“Baladna ialah syarikat Qatar yang terbesar dalam membekal makanan dan produk tenusu dan berpotensi menjadi rakan



ISMAIL Sabri Yaakob diberi penerangan oleh Moutaz Al-Khayyat semasa melawat Baladna Food Industries di Qatar, semalam.

kongsi Felcra dan FGV dalam projek usaha sama pembangunan ladang tenusu berskala be-

besar di Chuping.
“Baladna, Felcra dan FGV menandatangani Memorandum

kerjasama (MoC) untuk mengkaji kebolehlaksanaan projek usaha sama pada Ogos 2021,” katanya menerusi catatan Facebook beliau semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri memaklumkan, lawatan hari kedua beliau di Qatar diteruskan apabila dibawa melawat Ladang Baladna milik Baladna Food Industries dan disambut Pengerusi Kumpulan Baladna Food Industries, Moutaz Al-Khayyat dan Pengarah Urusan, Ramez Al-Khayyat.

Ia disusuli lawatan ke pusat pengeluaran susu lembu Holstein yang berkualiti Baladna.

“Saya juga melawat ladang sayuran organik, cendawan dan udang milik Agrico di Al Khor, kira-kira 50 kilometer di utara Doha,” katanya.